

# Malaysia bakal terima kunjungan pelbagai pemimpin

**Ipoh:** Malaysia dijadual menerima kunjungan pemimpin beberapa negara mulai minggu depan, sekali gus memperkukuh hubungan baik dengan semua negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kunjungan itu termasuk lawatan daripada Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev, diikuti Presiden Turkiye, Recep Tayyip

Erdogan, pada Februari ini.

“Kita memerlukan lebih ramai rakan strategik pada masa ini. Kita tidak boleh bergantung kepada satu negara sahaja.

“Dahulu, kita sering berpihak ke sana dan ke sini. Kini, kita teruskan usaha menarik pelaburan dari Amerika Syarikat (AS), memperbaiki hubungan dengan Kesatuan Eropah (EU), serta mempererat kerjasama dengan

China,” katanya ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak (PCCCI) di sini, semalam.

Anwar berkata, China sebuah negara penting di rantau ini dan hubungan baik dengan negara itu amat diperlukan bagi manfaat ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

Mengenai kebimbangan terhadap model kecerdasan buatan (AI) China, DeepSeek, Anwar menegaskan perkembangan teknologi itu perlu dimanfaatkan secara bijak dan bertanggungjawab.

Beliau berkata, Malaysia tidak boleh terperangkap dalam pemikiran lama yang bergantung kepada satu negara sahaja.

“Kita akan terus mengekalkan

hubungan baik dengan semua negara. Jika ada negara yang mempunyai masalah dengan China, itu masalah mereka, bukan masalah kita,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut menegaskan kestabilan politik, ketelusan kerajaan dan keberkesanan jentera pentadbiran ialah faktor penting bagi memastikan Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang hebat. BERNAMA